

Mansuh Dewan Negara: Cadangan orang tidak berilmu

KUALA LUMPUR 20 Mei - Cadangan Pengerusi DAP, Karpal Singh supaya Dewan Negara dimansuh dianggap sebagai kenyataan orang tidak berilmu yang tidak mengetahui kepentingan institusi tersebut dalam sistem pentadbiran negara.

Pensyarah di Jabatan Pengajian, Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Jayum Jawan berkata, kenyataan Ka-

rpal itu jelas bersifat politik dan penuh emosi serta bertentangan dengan sejarah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.

Menurutnya, Dewan Negara mempunyai peranan tersendiri kepada masyarakat dan negara sekaligus tidak boleh dimansuhkan begitu sahaja tanpa alasan kukuh.

"Negara-negara Komanwel yang lain seperti Australia dan New Zealand juga masih mengamalkan sis-

tem dua Dewan dalam satu Parlimen sehingga kini yang menunjukkan betapa pentingnya peranan institusi itu," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas cadangan Karpal supaya Perlembagaan Persekutuan dipinda bagi membolehkan Dewan Negara dimansuhkan kerana mendakwa kononnya kewujudan Dewan Negara tersebut tidak memberi makna secara menyeluruh dan

hanya membazir.

Karpal yang juga Ahli Parlimen Bukit Gelugor berkata, kaedah seperti yang diamalkan Singapura iaitu kewujudan ruang perundangan tunggal lebih sesuai diamalkan di negara ini demi kepentingan awam.

Sementara itu, Geo Strategis Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Profesor Dr. Azmi Hassan berkata, Karpal dilihat terkeliru dengan kenyataan tersebut kerana hasrat me-

mansuhkan Dewan Negara turut menafikan usaha pembangkang ke arah mewujudkan pentadbiran negara yang profesional dan seimbang.

Sebagai contoh, tambah beliau, Dewan Negara berfungsi melantik Senator yang bukan terdiri dalam kalangan ahli politik untuk dibawa masuk ke dalam Kabinet sekaligus mewujudkan barisan kepimpinan negara yang mantap.